



# The Observer

30.06.2023

## ❖ AI dalam pelaburan

Populariti ChatGPT yang dilahirkan daripada kecerdasan buatan (*artificial intelligence*, AI) menunjukkan kepada dunia betapa teknologi moden mampu menggugat dan merevolusikan pelbagai industri. Kebangkitan AI memberikan tumpuan kepada pembelajaran mesin dan aplikasi AI boleh digunakan dalam industri kewangan, termasuk pelaburan.

Penggunaan teknologi AI dalam sektor perkhidmatan kewangan meningkat dengan ketara. Suruhanjaya Sekuriti Malaysia telah melancarkan beberapa inisiatif untuk mempromosikan penggunaan teknologi kewangan (*fintech*), termasuk AI. Inisiatif ini merangkumi *sandbox* pengawalseliaan yang membolehkan syarikat *fintech* menguji produk dan perkhidmatan mereka dalam persekitaran yang terkawal serta meletakkan Malaysia sebagai hab *fintech* yang bertujuan menyokong pembangunan dan pertumbuhan syarikat *fintech* di Malaysia.

Penggunaan AI di Malaysia dijangka berkembang pesat dalam beberapa tahun akan datang, didorong oleh inisiatif kerajaan dan peningkatan pelaburan dalam penyelidikan dan pembangunan yang berkaitan AI. Memandangkan teknologi AI semakin tersedia dan boleh diakses secara meluas, kami percaya lebih ramai pelabur akan menggabungkan alat dan platform AI dalam pelaburan mereka.

### **Penggunaan ChatGPT dalam pelaburan**

Meskipun selama bertahun-tahun sudah ada dana utama yang menggunakan AI untuk menyokong keputusan pelaburan mereka, namun kemunculan perisian *Chat Generative Pre-training Transformer* atau ChatGPT telah meletakkan teknologi di hujung jari orang awam, dengan potensi untuk membimbing pelabur runcit dengan cara:

- Memberikan maklumat tentang pelaburan  
ChatGPT boleh memberikan maklumat umum tentang proses pelaburan seperti cara menilai prestasi kewangan syarikat awam tersenarai (*public limited companies*, PLC) dan cara membuat keputusan pelaburan termaklum.

- **Menganalisis PLC**  
ChatGPT boleh menyediakan analisis tentang sesebuah PLC yang merangkumi maklumat berkaitan prestasi kewangan mereka, berita dan peristiwa terkini serta potensi risiko dan peluang.
- **Menyediakan panduan dan strategi pelaburan**  
Berdasarkan objektif pelaburan, toleransi risiko dan faktor-faktor lain yang berkaitan seseorang pelabur, ChatGPT boleh membimbing mereka dengan menyediakan strategi dan pendekatan pelaburan yang sesuai.
- **Memantau PLC**  
ChatGPT boleh memantau PLC dan memaklumkan pelabur tentang perkembangan penting yang boleh mempengaruhi pelaburan mereka.
- **Menjawab pertanyaan pelabur**  
Selain menjawab pertanyaan berkaitan pelaburan di Malaysia, ChatGPT juga menyediakan sumber atau maklumat tambahan mengikut keperluan.

### **Manfaat penggunaan AI dalam pelaburan**

Antara faedah penggunaan AI dalam pelaburan termasuklah:

- **Ketepatan yang dipertingkatkan**  
Algoritma AI mampu memproses sejumlah besar data dan mengenal pasti corak serta arah aliran yang mungkin tidak dapat dilihat dengan serta-merta oleh penganalisis manusia. Dengan menganalisis set data yang besar, AI boleh mengenal pasti peluang dan risiko pelaburan dengan lebih tepat dan jitu, seterusnya membolehkan pelabur membuat keputusan pelaburan yang lebih termaklum.
- **Membuat keputusan dengan lebih cepat**  
Algoritma AI mampu menganalisis maklumat dalam masa nyata, membolehkan pelabur membuat keputusan pelaburan yang lebih cepat dan termaklum. Fungsi ini amat berguna dalam pasaran yang bergerak pantas, yang mana kelewatan kecil dalam membuat keputusan boleh mengakibatkan kerugian atau terlepas peluang.
- **Mempertingkatkan kecekapan**  
Perisian AI boleh mengautomatiskan banyak tugas yang berulang dan memakan masa yang terlibat dalam analisis pelaburan seperti kemasukan data, pembersihan data serta penjanaan laporan. Ini membolehkan pelabur memberikan tumpuan kepada analisis di peringkat tinggi dan membuat keputusan, seterusnya meningkatkan kecekapan dan produktiviti secara keseluruhan.
- **Menambah baik pengurusan risiko**  
Algoritma AI boleh membantu pelabur mengenal pasti dan mengurus risiko dengan lebih berkesan dengan menganalisis pelbagai faktor seperti arah aliran pasaran, prestasi kewangan dan peristiwa luar. Ini boleh membantu pelabur membangunkan strategi pengurusan risiko yang lebih mantap serta mengurangkan potensi kerugian.

- Pengalaman yang lebih personal  
Platform yang dikuasakan AI seperti penasihat robot mampu memberikan nasihat pelaburan yang diperibadikan mengikut matlamat pelabur, toleransi risiko dan faktor lain. Ini boleh membantu pelabur membina portfolio pelaburan yang pelbagai namun masih disesuaikan mengikut keperluan dan pilihan khusus mereka.

### **Aplikasi AI untuk pelabur**

Selain ChatGPT, terdapat aplikasi/ program AI lain yang boleh membantu pelabur membuat keputusan pelaburan termaklum. Antaranya:

- Penyaring saham (*Stock screeners*)  
Penyaring saham yang dikuasakan AI boleh membantu pelabur mencari peluang pelaburan yang berpotensi berdasarkan kriteria tertentu seperti permodalan pasaran, nisbah harga kepada pendapatan (*price to earnings ratio*, PE ratio) dan hasil dividen. Beberapa contoh penyaring saham termasuk Yahoo Finance, Investing.com, MarketWatch, ShareInvestor, TradingView, BSKL Screener, iSaham Screener.
- Alat penganalisis sentimen (*Sentiment analysis tools*)  
Alat penganalisis sentimen menggunakan algoritma pemrosesan bahasa semula jadi untuk menganalisis artikel berita, siaran media sosial dan sumber maklumat lain untuk menentukan sentimen berkaitan saham atau syarikat tertentu. Pelabur boleh menggunakan alat penganalisis sentimen untuk mengukur sentimen pasaran serta mengenal pasti potensi risiko dan peluang. Contoh alat penganalisis sentimen termasuk Acuity Trading dan Brand24.
- Penasihat robot (*Robo-advisor*)  
Penasihat robot ialah platform yang dikuasakan oleh AI yang memberikan nasihat pelaburan automatik berdasarkan matlamat pelabur, toleransi risiko dan faktor-faktor lain. Penasihat robot boleh membantu pelabur membina portfolio pelaburan yang pelbagai serta mengurus pelaburan mereka dengan lebih cekap. Beberapa contoh penasihat robo termasuk StashAway, Wahed Invest dan MyTHEO.
- Bot dagangan (*Trading bots*)  
Bot dagangan ialah algoritma yang dikuasakan oleh AI, yang secara automatik melaksanakan dagangan berdasarkan peraturan dan parameter tertentu. Pelabur boleh menggunakan bot dagangan untuk mengautomatiskan strategi perdagangan mereka dan memanfaatkan peluang pasaran dengan lebih cepat. Contoh bot dagangan - Wyden dan 3Commas.

Secara keseluruhan, penggunaan AI dalam pelaburan membawa banyak manfaat. Pelabur dapat membuat keputusan yang lebih termaklum serta menambah baik tahap kecekapan dan pengurusan risiko.

Walau bagaimanapun, perlu diingatkan bahawa ChatGPT tidak dapat menawarkan nasihat pelaburan yang diperibadikan atau memberikan cadangan pelaburan yang khusus. Meskipun perisian AI boleh dimanfaatkan oleh para pelabur, ia tidak seharusnya dijadikan satu-satunya sumber rujukan untuk membuat keputusan

pelaburan. Sebaliknya, dapatkanlah panduan daripada penasihat kewangan yang berkelayakan.

AI adalah sebahagian daripada inisiatif pendigitalan perkhidmatan kewangan dan ia akan terus dipacu selaras dengan perkembangan kemajuan teknologi. Sektor kewangan di Malaysia perlu mencatatkan kejayaan demi kejayaan dalam usaha transformasi digitalnya dan AI akan memainkan peranan yang penting ketika negara bersedia untuk memulakan operasi lima bank digital pertamanya.

## **Pemantauan Korporat MSWG**

### **Tinjauan Mingguan AGM/EGM MSWG untuk tempoh 3 hingga 7 Julai 2023**

Berikut adalah AGM/EGM syarikat-syarikat di bawah senarai pemantauan Badan Pengawas Pemegang Saham Minoriti (MSWG) pada minggu ini.

Ringkasan perkara penting disenaraikan di bawah, manakala butiran terperinci soalan yang diajukan kepada syarikat boleh didapati di laman web MSWG di [www.mswg.org.my](http://www.mswg.org.my)

<b>Tarikh dan Masa</b>	<b>Syarikat</b>	<b>Tinjauan ringkas</b>
03.07.23 (Isnin) 10.30 pagi	Quality Concrete Holdings Berhad (AGM)	Syarikat mengalami kerugian pada tahun kewangan 2023 dengan rugi bersih sebanyak RM2.47 juta berbanding untung bersih RM6.16 juta.  Kesan negatif terhadap untung rugi Syarikat ini adalah disebabkan oleh rosot nilai tidak berulang berjumlah RM4.1 juta ke atas hartanah, loji dan peralatan ( <i>property, plant and equipment, PPE</i> ) bagi segmen Pembuatan yang berprestasi rendah, di samping kerugian sebelum cukai yang lebih tinggi yang direkodkan oleh segmen tersebut.
05.07.23 (Rabu) 10.30 pagi	JKG Land Berhad (AGM)	Kumpulan merekodkan pendapatan berjumlah RM106.9 juta dan untung sebelum cukai ( <i>profit before tax, PBT</i> ) sebanyak RM37.2 juta bagi tahun kewangan 2023 berbanding RM184.8 juta dan RM33.1 juta masing-masing yang direkodkan pada tahun kewangan sebelumnya.  Meskipun projek pembangunan Kumpulan di Kulim, Kedah merekodkan sumbangan pendapatan yang lebih tinggi, penurunan mendadak sebanyak 42% dalam pendapatan adalah disebabkan oleh projek The ERA Fasa 1 yang sudah siap manakala Fasa 2

		<p>masih belum mencapai peringkat pembinaan lanjutan.</p> <p>Sebaliknya, PBT Kumpulan meningkat 12% terutamanya disumbangkan oleh pelarasan kos yang dibuat semasa memuktamadkan akaun kontrak pembinaan The ERA Fasa 1.</p>
05.07.23 (Rabu) 11.00 pagi	KYM Holdings Berhad (AGM)	<p>KYM berjaya mencatatkan keuntungan dua tahun berturut-turut pada tahun kewangan 2023 dengan untung bersih berjumlah RM8.93 juta (tahun kewangan 2022: RM3.55 juta) dengan pendapatan berjumlah RM120.38 juta (tahun kewangan 2022: RM82.84 juta).</p> <p>Walau bagaimanapun, Syarikat mencatatkan kerugian pada suku pertama berakhir 30 April 2023, dengan rugi sebelum cukai sebanyak RM1.89 juta, berlatarkan prospek industri yang lemah disebabkan oleh harga jualan yang rendah dan pasaran eksport yang lebih lunak untuk bahagian guni kertasnya.</p>

<b>Perkara penting untuk diketengahkan:</b>	
<b>Syarikat</b>	<b>Perkara/ Isu penting untuk diketengahkan</b>
Quality Concrete Holdings Berhad (AGM)	<p>Walaupun mencatatkan pendapatan yang lebih tinggi berjumlah RM208.4 juta pada tahun kewangan 2023, keputusan QCHB bertukar menjadi rugi dengan kerugian bersih RM2.47 juta berbanding untung bersih RM6.16 juta pada tahun sebelumnya. Tahun kewangan 2023 merupakan tahun keempat Kumpulan mencatatkan kerugian antara tahun kewangan 2019 dan tahun kewangan 2023.</p> <p>Keputusan kewangan yang lemah berpunca daripada rosot nilai tidak berulang sebanyak RM4.1 juta ke atas hartanah, loji dan peralatan (<i>property, plant and equipment, PPE</i>) bagi segmen Pembuatan yang berprestasi rendah. Pada masa yang sama, segmen Pembuatan juga menyaksikan rugi sebelum cukainya meningkat kepada RM9.6 juta daripada RM2.4 juta pada tahun kewangan sebelumnya, selaras dengan penurunan pendapatan tahun ke tahun.</p> <p>a) Adakah permintaan pasaran yang menurun terhadap produk QCHB disebabkan oleh lebihan bekalan di seluruh industri atau permintaan pasaran yang tidak sepadan dengan penawaran produk QCHB?</p> <p>Adakah prospek perniagaan bertambah baik sejak awal tahun kewangan 2024? Adakah Kumpulan melihat</p>

	<p>pemulihan dalam permintaan untuk produknya pada tahun kewangan 2024? Apakah strategi yang berkesan untuk meningkatkan keuntungan segmen Pembuatan?</p> <p>b) Merujuk kepada rosot nilai berjumlah RM4.1 juta yang dibuat ke atas PPE bagi segmen Pembuatan pada tahun kewangan 2023, bahagian manakah yang dikaitkan dengan rosot nilai ini? (contohnya, konkrit siap campur, produk kayu, paip). Sila berikan pecahan rosot nilai mengikut kategori PPE pada tahun kewangan 2023 bersama jumlah masing-masing.</p> <p>Adakah Kumpulan menjangkakan pertambahan terhadap rosot nilai ke atas PPE bahagian Pembuatan?</p>
JKG Land Berhad (AGM)	<p>Kredit yang dirosot nilai ke atas penghutang perdagangan yang telah lampau tempoh melebihi 91 hari berjumlah RM6.38 juta pada tahun kewangan 2023 berbanding RM1.41 juta pada tahun kewangan 2022, dengan peningkatan 352% atau RM4.97 juta.</p> <p>Penghutang perdagangan bagi tahun kewangan 2023 dan 2022 masing-masing berjumlah RM28.3 juta dan RM39.4 juta. (Halaman 128, Laporan Tahunan)</p> <p>a) Apakah yang menyebabkan rosot nilai kredit yang tinggi ke atas penghutang perdagangan pada tahun kewangan 2023 berbanding tahun kewangan 2022?</p> <p>b) Segmen perniagaan manakah yang menyumbang kepada jumlah rosot nilai kredit yang tinggi pada tahun kewangan 2023?</p>
KYM Holdings Berhad (AGM)	<p>KYM mencatatkan prestasi kewangan yang cemerlang pada tahun kewangan 2023 dengan untung bersih berjumlah RM8.93 juta (tahun kewangan 2022: RM3.55 juta) dan pendapatan sebanyak RM120.38 juta (tahun kewangan 2022: RM82.84 juta). Prestasi yang memberangsangkan ini didorong oleh harga jualan produk dan jualan eksport guni kertas yang lebih tinggi.</p> <p>Walau bagaimanapun, segmen pembuatan KYM mencatatkan kerugian pada suku pertama berakhir 30 April 2023, dengan rugi sebelum cukai sebanyak RM1.89 juta, disebabkan oleh harga jualan yang lebih rendah serta pasaran eksport yang lebih lunak untuk bahagian Guni Kertas Multidinding untuk Kegunaan Perindustrian.</p> <p>a) Apakah prospek bagi segmen Pembuatan terutamanya bahagian Guni Kertas Multidinding untuk Kegunaan Perindustrian pada tahun kewangan 2024? Adakah permintaan pasaran yang lunak dijangka berterusan sepanjang tahun kewangan 2024?</p> <p>b) Prestasi kewangan KYM bergantung pada segmen Pembuatan kerana ia merupakan penyumbang</p>

	<p>pendapatan dan keuntungan utama kepada Syarikat. Walau bagaimanapun, segmen Pembuatan menyaksikan sumbangan kewangan yang tidak menentu dan sangat sensitif terhadap aktiviti perniagaan pelanggannya.</p> <p>Adakah Kumpulan melihat keperluan untuk mempelbagaikan sumber pendapatannya bagi menangani kesan penurunan pendapatan segmen Pembuatan, sekaligus menjamin kemampanan perniagaan Kumpulan dalam jangka panjang? Jika ada, sila huraikan rancangan kepelbagaian itu?</p> <p>c) Guni kertas yang dihasilkan oleh KYM sebahagian besarnya memenuhi keperluan dan kegunaan industri. Adakah Kumpulan bercadang untuk meluaskan penggunaan guni kertas bagi mempelbagaikan sumber pendapatannya? Adakah cadangan ini berdaya maju dan boleh dilaksanakan?</p>
--	---

#### PEMANTAUAN KORPORAT MSWG

Devanesan Evanson, Ketua Pegawai Eksekutif, ([devanesan@mswg.org.my](mailto:devanesan@mswg.org.my))

Rita Foo, Ketua, Pemantauan Korporat, ([rita.foo@mswg.org.my](mailto:rita.foo@mswg.org.my))

Norhisam Sidek, Pengurus, Pemantauan Korporat, ([norhisam@mswg.org.my](mailto:norhisam@mswg.org.my))

Lee Chee Meng, Pengurus, Pemantauan Korporat, ([chee.meng@mswg.org.my](mailto:chee.meng@mswg.org.my))

Elaine Choo Yi Ling, Pengurus, Pemantauan Korporat, ([elaine.choo@mswg.org.my](mailto:elaine.choo@mswg.org.my))

Lim Cian Yai, Pengurus, Pemantauan Korporat, ([cianyai@mswg.org.my](mailto:cianyai@mswg.org.my))

Ooi Beng Hooi, Pengurus, Pemantauan Korporat, ([ooi.benghooi@mswg.org.my](mailto:ooi.benghooi@mswg.org.my))

Jackson Tan, Pengurus, Pemantauan Korporat, ([jackson@mswg.org.my](mailto:jackson@mswg.org.my))

Clint Loh, Pengurus, Pemantauan Korporat, ([clint.loh@mswg.org.my](mailto:clint.loh@mswg.org.my))

Nur Amirah Amirudin, Pengurus, Pemantauan Korporat, ([nuramirah@mswg.org.my](mailto:nuramirah@mswg.org.my))

#### PENDEDAHAN KEPENTINGAN

- Berkenaan syarikat-syarikat yang dinyatakan, MSWG memiliki jumlah saham minimum dalam semua syarikat yang diliputi dalam surat berita ini.

#### PENOLAKAN TUNTUTAN

Surat berita ini dan isi kandungannya berserta semua hak-hak berkaitan dengannya termasuk hak cipta dimiliki oleh Badan Pengawas Pemegang Saham Minoriti Berhad, juga dikenali sebagai Minority Shareholders Watch Group (MSWG).

Isi kandungan dan pendapat yang dinyatakan di dalam surat berita ini adalah berdasarkan maklumat yang diperolehi daripada domain awam dan bertujuan untuk memberikan maklumat umum kepada pengguna dan adalah untuk rujukan sahaja. Usaha terbaik telah dilakukan untuk memastikan maklumat yang terkandung di dalam surat berita ini adalah tepat dan terkini pada tarikh penerbitan. Walau bagaimanapun, MSWG tidak membuat sebarang waranti nyata atau tersirat atas ketepatan atau kelengkapan maklumat dan pendapat yang terkandung di dalam surat berita ini. Tiada maklumat di dalam surat berita ini yang bertujuan atau patut dianggap sebagai syor untuk membeli atau menjual atau jempunan untuk melanggan sekuriti tertentu, pelaburan yang berkaitan atau mana-mana instrumen kewangan.

MSWG perlu diberikan perakuan bagi mana-mana bahagian surat berita ini yang diterbitkan semula.

MSWG tidak akan bertanggungjawab atau menanggung sebarang liabiliti atas kebergantungan kepada sebarang maklumat atau komen yang terkandung di dalam surat berita ini atau jika ianya diterbitkan semula oleh pihak ketiga. Semua pembaca atau pelabur dinasihatkan supaya mendapatkan nasihat

*perundangan atau nasihat profesional yang lain sebelum mengambil sebarang tindakan berdasarkan surat berita ini.*